

Rancangan perkenal seni silat ke Barat

16 AUG 1982

PENCAK SILAT

SATU rancangan yang menyeluruh untuk mengenal dan mengembangkan seni silat kepada orang-orang di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia akan dijalankan.

Rancangan jangka panjang itu akan diusahakan sendiri oleh guru-guru silat dan pencinta silat di negara-negara itu dengan disokong oleh tiga buah negara yang menganggotai Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).

Indonesia, Malaysia dan Singapura yang menganggotai persekutuan tersebut akan memberikan sokongan moral dan galakan kepada usaha tersebut.

Kemudahan latihan

Ini adalah antara rumusan yang dicapai dalam Kongres Persilat yang diadakan sempena Festival Silat Asean kelima di Jakarta baru-baru ini.

Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Johari Uriff memberitahu Berita Harian bahawa Persilat akan menggalakkan guru-guru silat dan para pesilat dari negara-negara itu membentuk badan atau persatuan untuk mempopularkan kegiatan mereka.

Encik Johari yang mengikuti rombongan

Oleh ZAKARIA BUANG

Persisi ke pesta lapan hari itu menerangkan bahawa beberapa langkah telah dipersetujui ke arah matlamat itu. Ini termasuk:

- Menerima wakil-wakil dari Amerika, Holland, Australia dan Jerman Barat sebagai anggota gabungan Persilat.

- Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi) akan menyediakan kemudahan latihan bagi para pesilat yang ingin menjadi guru silat dan mengembangkan seni itu kepada para penduduk di negara masing-masing.

- Menerbitkan buku maklumat mengenai sejarah dan panduan silat.

- Menggalakkan Holland mengambil inisiatif untuk mempopularkan silat di negara-negara Asia Barat.

- Menerima usul supaya Holland menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Silat Olahraga Antarabangsa Kedua untuk menggalakkan orang-orang negara itu mengenali silat.

Pertandingan pertama telah diadakan di Jakarta sempena dengan pesta silat Asean itu.

Kongres itu juga bersetuju supaya pengurniaan taraf kemahiran seni silat diselarasakan supaya keasliannya tidak dicemari.

Selain dari itu, Encik Johari menyatakan bahawa usul Singapura supaya Persilat berusaha menggesa agar silat dijadikan sebagai satu acara persembahan dalam Sukan Asia Tenggara telah juga diterima.

Lebih 70 orang pendekar telah menyertai pertandingan itu. Ini termasuk 10 orang dari Holland, lapan dari Jerman Barat, empat dari Amerika dan seorang dari Australia.

Pertandingan itu telah dibolot oleh para peserta dari Indonesia dan Malaysia. Singapura hanya mampu memenangi satu pingat emas dan enam gangsa.

Peserta bahagian lelaki perseorangan dari Australia telah memeranjatkan para peserta lain dengan memenangi pingat emas dalam bahagian itu.

Rasa puas hati

"Persaingan kali ini sungguh hebat terutamanya dari Indonesia dan Malaysia. Persaingan juga tidak disangka-sangka datang dari para peserta Holland dan Australia," kata Encik Johari.

Bagaimanapun, Encik Johari merasa puas hati dengan kelakonan para peserta Singapura yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi.

Festival Silat Asean yang ke enam akan diadakan di Kuala Lumpur tahun depan.